

Bantuan banjir sehingga RM10,000 setiap keluarga

PM umum sumbangan bagi baik pulih kerosakan akibat bencana

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
bhnews@bh.com.my

Kuala Berang: Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengumumkan bantuan sehingga RM10,000 kepada setiap keluarga yang terjejas akibat banjir di Terengganu dan Kelantan.

Perdana Menteri berkata, bayaran itu meliputi sumbangan pembelian barangan keperluan berjumlah RM2,500, diskaun baik pulih kenderaan, rebat pembelian barangan elektrik RM500 dan bantuan baik pulih rumah bagi kerosakan akibat bencana itu.

Beliau berkata, bantuan diumumkan itu menyamai apa yang diberikan ketika gelombang pertama banjir melanda Terengganu dan Kelantan sebelum ini.

"Maksudnya, sama sahaja iaitu RM1,000, bantuan wang ihsan, RM2,500 untuk membeli



Penduduk membersihkan kediaman selepas dilanda banjir di Kampung Gemuruh, Hulu Terengganu, semalam.

(Foto BERNAMA)

barangan keperluan rumah dan baik pulih rumah, beli barangan elektrik, baiki kenderaan yang saya umum dahulu.

"(Bantuan) sama diperoleh (dan) kalau campur semua, dianggarkan hampir RM10,000 setiap keluarga," katanya ketika ditemui di pusat pemindahan sementara (PPS) di Kampung Batu 23 di sini, semalam.

Ismail Sabri yang turun padang meninjau lokasi banjir, tiba di PPS berkenaan jam 2.15 petang dan meluangkan masa

hampir 30 minit dengan mangsa yang ditempatkan di premis itu sejak Ahad lalu.

Beliau turut menyampaikan sumbangan kit bantuan bencana kepada mangsa terjejas.

Ketika ini, terdapat 272 mangsa daripada 76 keluarga berada di PPS berkenaan.

Menerusi banjir gelombang kelima bermula Jumaat lalu, lebih 17,000 mangsa di seluruh Terengganu terjejas dengan Kemaman merekodkan jumlah mangsa paling ramai.